

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 10.11.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 41

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apa yang sudah terjadi dengan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di 9 buah rumah panjang yang dijanjikan oleh Menteri sendiri yang akan bermula pada bulan April 2014. Tetapi sehingga ke hari ini, projek tersebut belum lagi bermula. Rumah-rumah panjang yang terlibat adalah seperti Rh. Atit, Rh. Minggat, Rh. Lampas Titok, Rh. Antau, Nanga Bunuk, Rh. Isau Gelong, Rh. Tayang, Rh Unchat Nibong dan Rh. Egar Bukit Tungku.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di 9 buah rumah panjang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat hanya dapat dimulakan pelaksanaannya pada bulan Oktober 2014. Walaupun persetujuan daripada SALCRA diterima pada 30 April 2013, proses koordinasi untuk pembayaran pampasan dan pemotongan pokok kelapa sawit yang terlibat mengambil masa untuk diselesaikan.

Kerja-kerja pemasangan talian elektrik di Rh. Isau Gelong dan Rh. Egar Bukit Tungku telah dimulakan pada 22 September 2014 dan dijangka akan dapat disiapkan pada 30 Januari 2015. Bagi penyambungan bekalan elektrik ke Rh. Atit, Rh. Minggat, Rh. Lampas Titok, Rh. Antau, Nanga Bunuk, Rh. Tayang dan Rh Unchat Nibong, kerja-kerja pemasangan talian elektrik akan dimulakan pada 17 November 2014 dan akan disiapkan sepenuhnya sebelum 1 Mac 2015.